



<p align="center"><b>BUMIJEZ SDN BHD (BJSB) : 196501000376  <b>PRODUK KHAIRAT BANTUAN PENGURUSAN  JENAZAH 24 JAM M-JANNAH</b></b></p> <p><b>Tarikh:</b></p> <hr/> <p><b>(Tarikh hendaklah dilengkapkan oleh staf jualan di Bank Muamalat yang menguruskan jualan ini)</b></p>	<p align="center"><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)</b></p> <p>Tuan/Puan diminta untuk membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dengan teliti sebelum Tuan/Puan membuat keputusan untuk mendaftar / mengambil produk Khairat Bantuan Pengurusan Jenazah M-Jannah. Pastikan Tuan/Puan membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada kami sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian daripada dokumen ini atau terma umum yang berkaitan.</p> <p><b>Issued by :</b> </p> <p><b>Distributed by :</b> </p>
---	--

**1. APAKAH PRODUK INI?**

Produk ini menawarkan dua (2) pilihan kepada waris iaitu :

- 1) Khidmat pengurusan jenazah lengkap (PJL) ke lokasi kematian untuk membantu waris menguruskan jenazah. Untuk orang islam sahaja.  
ATAU
- 2) Bantuan wang tunai RM1500 akan diberikan dalam masa 24 jam untuk waris membayar kos berkaitan pengurusan jenazah pada hari kejadian untuk orang islam (Pilihan).

Produk ini juga disertakan dengan manfaat pampasan akibat daripada kemalangan. Jumlah pampasan kemalangan adalah bergantung kepada pakej yang didaftarkan/ diambil.

**2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG TERPAKAI?**

WAKALAH : Satu kontrak Agensi yang mana Bank bertindak sebagai agen yang menawarkan produk M-JANNAH.

**3. SIAPAKAH YANG BOLEH MENDAFTAR PRODUK INI?**

Semua Warganegara Malaysia dan juga pemaustatin tetap (Muslim sahaja).

**4. BERAPAKAH HAD UMUR PENDAFTARAN PRODUK INI?**

Had umur pendaftaran produk ini adalah 1 tahun @ 18 tahun hingga 69 tahun pada hari pendaftaran. Pembaharuan keahlian pula adalah maksimum sehingga 74 dan perlindungan tamat pada umur 75 tahun mengikut tarikh hari lahir (tanpa gagal membuat pembaharuan pada umur 70 sehingga 74 tahun dan dengan kelulusan pihak takaful)

3 orang anak had umur anak dibawah pakej keluarga pula adalah 06 bulan hingga 17 tahun. Perlindungan untuk anak adalah sehingga 17 tahun dan tamat pada umur 18 tahun mengikut tarikh hari lahir. Harga setiap tambahan seorang anak adalah RM15 setahun.

<p><b>5. APAKAH DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENDAFTAR PRODUK INI?</b></p>
<p>Salinan kad pengenalan untuk dewasa dan sijil kelahiran / salinan kad pengenalan untuk setiap anak</p> <p>Makluman : Dokumen pemeriksaan kesihatan tidak diperlukan untuk mendaftar produk ini.</p>
<p><b>6. APAKAH LOKASI YANG DILINDUNGI OLEH PRODUK INI?</b></p>
<p>Lokasi perlindungan untuk manfaat bantuan pengurusan jenazah adalah di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Jika ahli meninggal diluar negara, bantuan pengurusan akan bermula di pintu masuk Malaysia.</p> <p>Perlindungan untuk manfaat akibat dari kemalangan adalah di seluruh dunia.</p>
<p><b>7. BERAPAKAH TEMPOH PERLINDUNGAN PRODUK INI?</b></p>
<p>Perlindungan produk M-JANNAH adalah selama setahun (365 hari) dimana tempoh mula keahlian adalah antara 01hb atau 15hb setiap bulan dan tempoh menunggu adalah 30 hari dari tarikh mula kali pertama yang tertera pada kad keahlian. Semasa tempoh menunggu, hanya tuntutan akibat kemalangan sahaja dibolehkan. Tempoh menunggu 30 hari hanya untuk peserta baharu sahaja / Tahun pertama sahaja.</p> <p>Untuk pembaharuan, tempoh perlindungan bermula diantara 01hb atau 15hb setelah bayaran pembaharuan diterima. Tarikh mula keahlian dan mula perlindungan boleh dirujuk di kad keahlian. (Tiada tempoh menunggu)</p> <p>Jika peserta gagal membuat pembayaran pembaharuan dan tamat keahlian atau membuat pembayaran selepas tarikh tamat tempoh, peserta dikira membuat pendaftaran baharu dan mempunyai tempoh menunggu selama 30 hari semula.</p>
<p><b>8. APAKAH MANFAAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?</b></p>
<p>UNTUK WARGANEGARA BERAGAMA ISLAM</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kemudahan tele bantuan tanpa tol yang beroperasi 24 jam (1800 886 887 / 010 321 7185) untuk waris meminta bantuan untuk menguruskan jenazah dimana- mana di seluruh Malaysia atau bantuan tunai RM1500 dalam masa 24 Jam untuk membayar kos berkaitan pengurusan jenazah pada hari kejadian selepas penerimaan salinan permit penguburan dan salinan kad pengenalan simati.</li> <li>2. Meringankan beban waris dari segi kewangan dengan bantuan wang khairat yang akan dibayar mengikut tempoh yang dinyatakan di pakej dari tarikh penerimaan salinan sijil kematian dan juga untuk bayaran kos seterusnya seperti kos zikir tahlil, khatam Al Quran, kos pembinaan kepungan kubur, batu nisan dan juga bantuan tunai Badal Haji bergantung kepada pakej yang didaftarkan) juga akan dibayar mengikut tempoh yang dinyatakan di pakej.</li> <li>3. Manfaat perlindungan akibat kemalangan. Tertakluk kepada terma dan syarat serta kelulusan pihak penanggung risiko</li> </ol>
<p><b>9. APAKAH KES YANG DILINDUNGI?</b></p>
<p>Kes yang dilindungi dan tuntutan boleh dibuat adalah untuk semua kes kematian biasa dan kematian atau kecacatan kekal akibat kemalangan (yang telah disahkan dan berlaku didalam tempoh keahlian aktif.</p>
<p><b>10. APAKAH KES YANG TIDAK DILINDUNGI?</b></p>
<p>Kematian biasa didalam semasa tempoh menunggu (30 hari) serta kematian yang menyalahi undang-undang seperti membunuh diri dan sebarang akibat dari mabuk.</p>

**11. BAGAIMANA UNTUK WARIS MEMINTA BANTUAN PENGURUSAN JENAZAH PADA HARI KEJADIAN?**

Pihak waris boleh menghubungi talian tanpa tol beroperasi 24 jam untuk memaklumkan lokasi kematian dan melampirkan salinan permit mengubur untuk pengesahan kes kematian dan salinan kad pengenalan simati untuk menyemak status aktif keahlian. Pasukan Pengurusan jenazah akan datang ke lokasi yang dimaklumkan oleh waris dalam masa 2 jam untuk menguruskan jenazah apabila kematian disahkan didalam tempoh aktif keahlian.

**12. BAGAIMANA JIKA KEAHLIAN SIMATI TIDAK AKTIF APABILA SEMAKAN DIBUAT?**

Manfaat pakej/produk tidak dapat dituntut tetapi pihak waris diberi pilihan untuk mendapatkan bantuan Pengurusan Jenazah Lengkap (P JL) sahaja dengan bayaran kos pengurusan jenazah dan yang berkaitan akan ditanggung oleh pihak waris mengikut harga semasa.

**13. APAKAH BANTUAN YANG DIBERIKAN KEPADA WARIS PADA HARI KEJADIAN?**

Bantuan yang akan diberikan adalah memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, solat jenazah, penghantaran jenazah ke tapak pengkebumian, pengebumian jenazah dan diakhiri dengan bacaan talkin. Bantuan nasihat dan bantuan dokumentasi yang berkaitan juga akan diberikan kepada waris jika diperlukan. Segala urusan akan dilaksanakan bersama waris atau bersama wakil yang dibenarkan oleh waris.

**14. JIKA PENGURUSAN JENAZAH DILAKUKAN OLEH WARIS SENDIRI ATAU WARIS BERSAMA BADAN KHAIRAT TEMPATAN ATAU WARIS MEMILIH KHIDMAT PENGURUSAN JENAZAH DARI AGENSI/SYARIKAT LAIN?**

Wang Pengurusan Jenazah Lengkap sebanyak RM1,500 akan dibayar dalam masa 24 jam. Walaubagaimana pun, bantuan tambahan seperti tenaga kerja akan diberikan jika perlu. Caj penggunaan van jenazah (jika perlu) tertakluk kepada jarak perjalanan pergi dan balik (per km).

**15. JIKA PENGURUSAN JENAZAH DILAKUKAN OLEH PENGURUS JENAZAH HOSPITAL?**

Untuk kematian di hospital, jika pihak waris wajib memilih / atau memilih pengurus jenazah di hospital tersebut, maka bantuan tunai RM1500 akan diberikan kepada waris dalam masa 24 jam untuk membayar / meringankan beban caj yang akan dikenakan oleh pihak pengurus jenazah hospital.

**16. JIKA KOS BERKAITAN PENGURUSAN JENAZAH PADA HARI KEJADIAN MELEBIHI RM1500?**

Pengurusan oleh BJSB: Peruntukan daripada wang khairat akan diambil untuk menampung kos yang diperlukan. Peruntukan untuk lain –lain manfaat juga akan diambil jika peruntukan daripada wang khairat tidak mencukupi (pilihan waris)

Pengurusan oleh pihak lain: Pihak waris perlu membayar sendiri kos yang melebihi peruntukan RM1500 yang akan diberikan oleh BJSB dalam masa 24 jam.

**17. KEMATIAN DI SABAH DAN SARAWAK: JIKA WARIS MEMILIH UNTUK JENAZAH DIBAWA PULANG KE SEMENANJUNG (MELALUI KHIDMAT PENERBANGAN) UNTUK DIKEBUMIKAN? (ATAU SEBALIKNYA)**

Pengurusan oleh BJSB: Bayaran kos membawa pulang jenazah melalui khidmat penerbangan akan diambil dari nilai manfaat produk. Kos semasa untuk membawa pulang jenazah melalui khidmat penerbangan adalah RM5000 keatas.

Pengurusan oleh pihak lain: Pihak waris perlu membayar sendiri kos khidmat penerbangan yang melebihi peruntukan RM1500 yang akan diberikan oleh BJSB dalam masa 24 jam.

#### 18. JIKA KEMATIAN BERLAKU DI LUAR NEGARA?

Untuk kes kematian yang berlaku diluar negara, pihak BJSB hanya boleh menguruskan jenazah dari lapangan terbang untuk diuruskan/dihantar ke tempat pengebumian setelah mendapat kebenaran pihak yang berwajib (Jika pihak waris memilih untuk jenazah dibawa pulang). Pihak waris juga boleh menuntut dan akan dibayar tunai RM1500 dalam masa 24 jam jika pengurusan dan pengebumian dilakukan di negara luar tersebut dengan mengemukakan bukti kematian (seperti salinan kematian dari pihak luarnegara).

#### 19. JIKA KEMATIAN LEWAT DILAPORKAN OLEH WARIS?

Jika waris lewat melaporkan kematian contohnya selepas 03 bulan dari tarikh kematian, Wang Pengurusan Jenazah RM 1,500 akan dibayar dalam masa 24 jam dan bayaran lain akan dibuat mengikut tempoh yang dinyatakan di dalam pakej dari tarikh terima dokumen ( untuk kematian yang berlaku didalam tempoh aktif keahlian sahaja)

#### 20. BAGAIMANA UNTUK SAYA /WARIS MENUNTUT MANFAAT AKIBAT KEMALANGAN?

Setiap tuntutan kematian akibat dari kemalangan, dokumen tambahan yang perlu disertakan adalah laporan doktor / hospital mengesahkan kematian adalah akibat dari kemalangan dan juga laporan polis mengesahkan kejadian kemalangan berkaitan yang menyebabkan kematian.

Untuk tuntutan kecacatan kekal akibat dari kemalangan, dokumen tambahan yang perlu disertakan adalah laporan doktor /hospital yang mengesahkan kecacatan adalah akibat dari kemalangan dan juga laporan polis mengesahkan kejadian kemalangan berkaitan yang menyebabkan kecacatan kekal. Jumlah pampasan tuntutan (daripada jumlah maksimum manfaat kemalangan mengikut pakej) adalah berdasarkan peratus kecacatant kekal yang telah disahkan oleh pihak doktor / hospital dan dengan kelulusan pihak takaful /penanggung risiko.

Makluman : Untuk kematian atau kecacatan kekal akibat kemalangan, peserta / waris boleh menuntut manfaat dari semua polisi takaful / insuran yang disertai.

Semua bayaran untuk manfaat kemalangan akan diberikan kepada waris (jika diluluskan oleh pihak takaful /penanggung risiko) dalam tempoh masa maksimum 180 dari hari penerimaan dokumen lengkap yang diperlukan

#### 21. BILAKAH BAYARAN MANFAAT BANTUAN TUNAI BADAL HAJI AKAN DIBERIKAN?

Bayaran manfaat bantuan tunai Badal Haji akan dibayar 02 bulan kepada waris pada Musim Haji TAHUN SETERUSNYA dari tarikh / tahun kematian (bukan pada Musim Haji terdekat seterusnya dari tarikh kematian)

#### 22. JIKA SAYA SUDAH MENGERJAKAN IBADAH HAJI? (UNTUK PAKEJ DENGAN MANFAAT BADAL HAJI)

Manfaat Bantuan tunai Badal Haji akan digantikan dengan bantuan wang tunai khairat sebanyak RM2000 kepada waris yang akan diberikan pada 02 bulan sebelum Musim Haji Tahun Seterusnya dari tarikh/ tahun kematian. (bukan pada Musim Haji terdekat seterusnya dari tarikh kematian)

### 23. APAKAH RINGKASAN UNTUK TARIKH PENERIMAAN MANFAAT TUNAI UNTUK PRODUK INI?

JENIS TUNTUTAN	TEMPOH MASA UNTUK DIBAYAR KEPADA WARIS	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
Bantuan tunai RM1500 untuk menggantikan nilai manfaat Pengurusan Jenazah lengkap (P JL) jika pilihan waris.	Dalam masa 24 jam selepas penerimaan dokumen	Salinan permit mengubur
Bantuan wang Khairat untuk menggantikan nilai manfaat zikir tahlil dan Khatam Al Quran,	Selepas 30 hari selepas penerimaan dokumen	Salinan sijil Kematian (JPN)
Bantuan wang Khairat (RM1500 -RM2000) *mengikut pakej pilihan	Selepas 60 hari selepas penerimaan dokumen	Salinan sijil Kematian (JPN)
Bantuan Infaq RM500 yang akan diuruskan oleh pihak Bumijez Sdn Bhd bagi pihak peserta.	Selepas 90 hari selepas penerimaan dokumen	Salinan sijil Kematian (JPN)
Bantuan wang Khairat untuk menggantikan nilai manfaat Kepungan Kubur dan Batu Nisan (jika pilihan waris) RM1500	Selepas 120 hari selepas penerimaan dokumen	Salinan sijil Kematian (JPN)
Bantuan Tunai untuk kos Badal Haji atau digantikan dengan bantuan wang khairat RM2000 jika peserta sudah mengerjakan ibadah Haji	02 Bulan sebelum Musim Haji tahun seterusnya.	Salinan sijil Kematian (JPN)
Tuntutan pampasan Kematian Akibat Kemalangan	Selepas 180 hari bekerja, tertakluk kepada kelulusan pihak takaful / penanggung risiko	Salinan sijil kematian, laporan doktor / hospital mengesahkan kematian adalah akibat kemalangan dan laporan polis mengesahkan kejadian kemalangan.
Tuntutan pampasan Kecacatan Kekal Akibat Kemalangan. Jumlah pampasan tuntutan(daripada jumlah maksimum manfaat kemalangan mengikut pakej) adalah berdasarkan peratus kecacatan kekal Akibat Kemalangan.	Selepas 180 hari bekerja, tertakluk kepada kelulusan pihak takaful / penanggung risiko	Salinan laporan perubatan doktor/hospital mengesahkan Kecacatan kekal adalah akibat kemalangan dan laporan polis mengesahkan kejadian kemalangan

### 24. DIMANA BOLEH SAYA MENDAPATKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?

**Bumijez Sdn. Bhd.**

No 29-1 Jalan Kenari 12,  
Bandar Puchong Jaya, 47170  
Puchong Jaya, Selangor  
Careline: 1 800 886 887  
Website: [www.bumijez.com](http://www.bumijez.com)

Sekiranya anda ingin mengemukakan maklumbalas terhadap perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:-

**Bank Muamalat Malaysia Berhad**

Customer Service Department  
Level 19, Menara  
Bumiputra, No. 21,  
Jalan Melaka,  
50100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2600 5500  
Website: [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)

*Atau*

**Bumijez Sdn. Bhd.**

No 29-1 Jalan Kenari 12,  
Bandar Puchong Jaya, 47170  
Puchong Jaya, Selangor  
Careline: 1 800 886 887  
Website: [www.bumijez.com](http://www.bumijez.com)

*Jika pertanyaan atau anda aduan anda tidak diselesaikan atau memuaskan anda, sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:*

Block D, Bank Negara  
Malaysia Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax:03-2174 1515  
E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

*Saya/ Kami mengesahkan bahawa Helaian Keterangan Produk telah diterangkan kepada Pelanggan.*

.....  
*Nama Kakitangan:*  
*No ID Kakitangan:*  
*Tarikh:*

*Saya / Kami mengesahkan bahawa Helaian Keterangan Produk telah diterangkan kepada saya/kami*

.....  
*Nama:*  
*No myKad:*  
*Tarikh:*